

## **UNIT PEMBANGUNAN HOMEROOM MAKTAB RENDAH SAINS MARA BESUT**

### **1.0 PENDAHULUAN**

Proses pembelajaran merupakan pengalaman yang amat menyeronokkan jika para pelajar pandai menyesuaikan diri dengan keadaan sekeliling. Dengan iklim pembelajaran yang semakin beragam, kewujudan Homeroom dalam sistem pendidikan MRSM menjadi pelengkap dalam mencapai objektif pendidikan MARA. Hal ini boleh direalisasikan jika para guru dan pelajar saling bersinergi dalam memahami peranan masing-masing. Untuk mencapai wawasan ini maka Homeroom ialah wardah terbaik dalam mencapai objektif pendidikan MRSM dengan memperkasakan Homeroom.

### **2.0 DEFINISI HOMEROOM**

- 2.1 Homeroom adalah wardah yang sesuai untuk membincangkan masalah yang berkaitan dengan kehidupan pelajar di asrama, seperti masalah akademik, masalah keluarga mahupun masalah peribadi. Walaupun mereka berlainan kelas namun mereka tetap bersatu di bawah satu bumbung yang di panggil Homeroom.
- 2.2 Pelajar akan dapat mengenali ahli homeroom antara satu sama lain di bawah bimbingan penasihat Homeroom yang turut berperanan mewujudkan hubungan yang lebih mesra antara pelajar dan masyarakat umumnya.
- 2.3 Suasana informal yang wujud semasa sesi pertemuan Homeroom secara tidak langsung akan merapatkan ukhwah antara ahli Homeroom dengan penasihat Homeroom.
- 2.4 Hubungan akrab dalam Homeroom akan memberi peluang kepada setiap ahli Homeroom untuk menyuarakan pendapat dan pandangan yang seterusnya akan mengeratkan hubungan antara ahli Homeroom.
- 2.5 Hubungan yang akrab akan menghapuskan perasaan syak wasangka dan prejudis antara ahli Homeroom, malah hubungan yang dijalinkan akan menjadi lebih rapat seperti sebuah entiti kekeluargaan. Hal ini secara tidak langsung akan menjadikan penasihat Homeroom seakan-akan ibu bapa pelajar yang sebenar manakala para pelajar merasakan diri mereka mempunyai hubungan seperti ibu bapa dan anak.

### **3.0 PERANAN DAN TANGGUNGJAWAB HOMEROOM**

Homeroom melambangkan imej MRSM, kerana sejak awal penubuhannya, Homeroom terbukti berjaya merapatkan hubungan antara ahli Homeroom dan penasihat Homeroom. Berperanan sebagai ibu bapa angkat kepada ahli Homeroom, penasihat Homeroom menjadi tempat berkongsi masalah, meluahkan perasaan malah perkara yang bersifat peribadi turut dikongsi bersama dengan penasihat Homeroom. Hubungan akrab yang wujud antara ahli Homeroom menjadikan Homeroom sebagai sebuah keluarga yang besar kerana masing-masing menganggap diri masing-masing seperti adik-beradik yang sebenar. Antara tanggungjawab homeroom yang lain adalah :

- 3.1 Menerapkan nilai-nilai positif dalam kalangan ahli Homeroom yang mana penasihat akan berusaha sedaya upaya untuk membentuk sikap yang positif dalam kalangan ahli homeroom dengan cara meningkatkan kefahaman antara mereka.
- 3.2 Waktu pertemuan Homeroom berbeza dengan dengan waktu pertemuan akademik kerana dilaksanakan di luar waktu akademik. Semasa pertemuan Homeroom ahli homeroom dapat berkumpul bersama di samping penasihat yang perlu menentukan hala tuju pertemuan Homeroom supaya menjadi pertemuan yang bermakna.
- 3.3 Semasa pertemuan Homeroom penasihat boleh sebarang salah laku atau masalah disiplin yang dilakukan oleh ahli homeroom. Nasihat dan teguran akan dilakukan secara berhemah dan profesional agar tidak menjatuhkan air muka ahli Homeroom.
- 3.4 Membentuk sebuah organisasi yang baik bilamana penasihat homeroom membimbing ahli homeroom dalam kegiatan kokurikulum yang sesuai di samping menggalakkan ahli homeroom mengambil peluang menjadi presiden kelab, persatuan atau unit beruniform yang akan menjadikan mereka lebih matang pada masa akan datang. Galakan dan semangat perlu diberikan dari masa kesemasa agar ahli Homeroom merasa seronok menyertai kegiatan kokurikulum.

#### **4.0 FUNGSI HOMEROOM**

- 4.1 Memperoleh maklumat berkaitan diri pelajar kerana segala maklumat tentang diri pelajar secara keseluruhannya akan direkodkan oleh penasihat Homeroom. Penasihat Homeroom akan menyimpan data berkaitan pelajar seperti maklumat akademik, biodata diri dan keluarga, rekod kesihatan, rekod kokurikulum dan perkara lain yang berkaitan diri pelajar.
- 4.2 Homeroom juga dapat membantu pelajar mengenali diri masing-masing. Dalam hal ini peranan penasihat homeroom amat diperlukan dalam membantu ahli Homeroom mengenali diri mereka bagi menghadapi kehidupan sebagai seorang pelajar. Penasihat homeroom perlu mengambil tahu latar belakang dan permasalahan ahli homeroom agar permasalahan yang dialami tidak menjadi halangan kemajuan mereka.
- 4.3 Dalam menghadapi dunia pendidikan yang mencabar, negara amat memerlukan modal insan yang mempunyai nilai-nilai yang mulia. Memupuk nilai-nilai yang baik seperti berani, rajin, bertanggungjawab, berdikari, amanah dan patriotik semasa pertemuan homeroom. Hal ini dapat direalisasikan melalui pelbagai aktiviti homeroom yang boleh menyumbang kearah pemupukan nilai murni tersebut.
- 4.4 Melatih pelajar berorganisasi yang mana didalam homeroom itu sendiri akan dilantik pelbagai ahli jawatankuasa yang turut berperanan menjadi organisasi homeroom. Hal ini secara tidak langsung melatih pelajar berorganisasi dan membentuk pelajar menjadi pemimpin pada masa hadapan.
- 4.5 Melihat perkembangan pelajar secara berterusan bukan sahaja sepanjang berada di MRSM malah jauh dari itu penasihat Homeroom perlu melihat perkembangan ahli homeroom sehingga mereka tamat sekolah. Hal ini bagi memastikan modal insan yang berguna kepada bangsa, agama dan negara pada masa depan.

#### **5.0 PROSEDUR PERTEMUAN HOMEROOM**

- 5.1 Setiap pertemuan hanya akan membincangkan dan melaksanakan satu agenda. Cara-cara pelaksanaan, pertemuan dikendalikan oleh jawatankuasa bertugas,

pembacaan minit-minit mesyuarat yang lepas, perbincangan minit-minit mesyuarat lepas, perbincangan perkara-perkara yang masih belum selesai, perkara berbangkit dan penangguhan mesyuarat.

- 5.2 Langkah kedua berbudi bahasa dan bertimbang rasa terhadap ahli homeroom. Hal ini bagi membolehkan setiap ahli homeroom memperoleh peluang berkomunikasi tanpa gangguan. Ahli Homeroom dilarang berbisik atau melakukan gangguan semasa ahli homeroom lain bersuara.
- 5.3 Setiap tindakan dan keputusan yang akan diambil perlu mengambil kira suara majoriti ahli Homeroom.

## 6.0 STRUKTUR ORGANISASI

Komuniti dan jawatankuasa yang dibentuk ini akan merangka pelbagai program Homeroom samaada secara bulanan atau tahunan dengan persetujuan pengetua.

Penasihat	: Riza b Hj Omar
Pengerusi	: Kamal Farihi b Mat Resad @ Arshad
Penyelaras	: Dr Yusni Zaini bt Yusof
Setiausaha	: Norazlia bt Muhammad
Penyelaras tingkatan 1	: Asmah bt Ali
Penyelaras tingkatan 2	: Nor Syida bt Mat Zin
Penyelaras tingkatan 3	: Nor Azilah bt Yusof
Penyelaras tingkatan 4	: Nor Aini bt Sulaiman
Penyelaras tingkatan 5	: Nik Haslildha bt Nik Hassan

## 7.0 CADANGAN MAJLIS ANUGERAH APRESIASI HOMEROOM

BIL	ANUGERAH	KRITERIA
1	Anugerah Tinta Bestari (Fail Homeroom Terbaik)	HR yang lengkap dokumentasi fail, kemas dan tersusun. Kriteria ini melayakkan fail HR dipilih untuk pengauditan ISO. <ul style="list-style-type: none"> <li>- Fail lengkap</li> <li>- Minit mesyuarat yang jelas dan bukti program</li> <li>- Mempunyai nilai-nilai murni dalam setiap pertemuan</li> <li>- Merangkumi pelbagai aktiviti seperti khidmat masyarakat, jualan, aktiviti luar dan sebagainya.</li> </ul>
2	Anugerah Penasihat Muaddib (Guru Penasihat Terbaik)	Penasihat HR yang mempunyai sifat prihatin, cakna serta membantu selaras dengan maksud muaddib iaitu orang yang mengajarkan etika, kesopanan, pengembangan diri atau sesuatu ilmu agar anak didiknya terhindar daripada melakukan kesalahan. <ul style="list-style-type: none"> <li>- Berjaya melahirkan anak HR yang baik sahsiahnya</li> <li>- HR zero kes disiplin</li> <li>- HR cemerlang akademik dan kokurikulum</li> <li>- Penilaian secara keseluruhan</li> </ul>

3	Anugerah Bitara Lestari (Terbaik Akademik)	HR yang menunjukkan pencapaian akademik cemerlang dalam peperiksaan yang dijalankan sepanjang tahun seperti: <ul style="list-style-type: none"> <li>- Ujian Setara 1, Ujian Setara 2, Ujian Setara 3, Ujian Setara 4</li> <li>- Peperiksaan Akhir Semester 1 dan 2</li> </ul>
4	Anugerah Kepimpinan Lestari (Presiden HR Terbaik)	Presiden HR yang melaksanakan tanggungjawab dengan cemerlang dalam kalangan rakan sebaya. Pemilihan ini di nilai dari aspek : <ul style="list-style-type: none"> <li>- Kepimpinan lestari dalam HR dan maktab</li> <li>- Pencapaian akademik yang cemerlang</li> <li>- Sahsiah terpuji</li> <li>- Kepatuhan pada arahan</li> <li>- Penglibatan kokurikulum</li> <li>- Tiada masalah disiplin</li> <li>- Penilaian dari awal sem 1 dan 2, 2019</li> </ul>
5	Anugerah HR Energetik (Aktif Kokurikulum)	HR yang menunjukkan penglibatan secara aktif dalam bidang keusahawanan, sukan, kepimpinan serta khidmat masyarakat. Kriteria ini selaras dengan penetapan KPI HR. Pemilihan bergantung kepada keputusan kokurikulum HR berkenaan.
6	Homeroom Unggul (Menepati Tema)	Keseragaman dan kemeriahan busana mengikut tema yang telah ditetapkan, kekemasan meja hidangan HR dan kerjasama ahli HR. Pengadlan dilakukan secara pemerhatian dari jam 2.30 -3.30 ptg ketika majlis berlangsung.
7	Anugerah HR Adiwiyata (HR Terbaik)	Adiwiyata bermaksud tempat yang terbaik untuk memperoleh ilmu pengetahuan serta memupuk nilai murni bagi membangunkan modal insan holistik. Pemenang juga boleh menjadi contoh kepada homeroom lain. Oleh itu penerima anugerah dinilai berdasarkan pencapaian membanggakan dalam: <ul style="list-style-type: none"> <li>- Jumlah markah merit dimerit</li> <li>- Sahsiah terpuji</li> <li>- Akademik cemerlang</li> <li>- HR zero kes disiplin</li> </ul>

## 8.0 PELAN STRATEGIK UNIT PEMBANGUNAN HOMEROOM

KRA	KPI	TARGET
PROGRAM PEMBANGUNAN KURIKULUM PELAJAR HOMEROOM	Melahirkan pelajar yang berprestasi tinggi <ol style="list-style-type: none"> <li>1. Gred purata homeroom semua peperiksaan</li> <li>2. Semua ahli dalam homeroom tingkatan 5 berjaya menerima sijil graduasi</li> </ol>	<ol style="list-style-type: none"> <li>1. &lt;2.0</li> <li>2. 100%</li> <li>3. 100%</li> <li>4. 80%</li> </ol>

	<ol style="list-style-type: none"> <li>3. Peratusan bilangan ahli homeroom tingkatan 5 mendapat 6A dan keatas dalam SPM</li> <li>4. Peratusan bilangan ahli homeroom tingkatan 3 mendapat 10A dalam PT3</li> </ol>	
PROGRAM PEMBANGUNAN PELAJAR HOMEROOM	<p>Melahirkan pelajar yang berpotensi, berpersonaliti unggul dan cergas.</p> <ol style="list-style-type: none"> <li>1. Peratusan ahli homeroom menjadi pemimpin dengan sistem penggiliran jawatankuasa</li> <li>2. Peratus ahli homeroom tidak terlibat dengan kes disiplin amat berat</li> <li>3. Peratusan ahli homeroom terlibat dengan program khidmat masyarakat</li> <li>4. Wujud hubungan harmoni antara sesama ahli dan guru penasihat</li> <li>5. Peratusan ahli homeroom mengambil bahagian dalam aktiviti kokurikulum</li> <li>6. Peratusan ahli homeroom menyertai pertandingan peringkat daerah, negeri dan antarabangsa.</li> <li>7. Peratusan ahli homeroom terlibat dengan program keusahawanan</li> </ol>	<ol style="list-style-type: none"> <li>1. 50%</li> <li>2. 100%</li> <li>3. 100%</li> <li>4. 100%</li> <li>5. 100%</li> <li>6. 20%</li> <li>7. 50%</li> </ol>
PROGRAM PEMBANGUNAN GURU PENASIHAT HOMEROOM	<p>Memastikan kecaknaan guru penasihat kepada ahli homeroom</p> <ol style="list-style-type: none"> <li>1. Peratus guru penasihat faham peranan sebagai guru penasihat</li> <li>2. Peratus guru mendapat kemahiran mengendalikan sesi aktiviti</li> <li>3. Melaksanakan dan menyiapkan urusan homeroom yang diminta oleh pihak maktab</li> <li>4. Mengenalpasti ahli homeroom yang berpotensi dan memberi bimbingan yang sesuai</li> <li>5. Peratusan guru penasihat faham program Merit Demerit</li> </ol>	<ol style="list-style-type: none"> <li>1. 100%</li> <li>2. 100%</li> <li>3. 100%</li> <li>4. 100%</li> <li>5. 80%</li> </ol>
PROGRAM PEMBANGUNAN UPHR	<p>Membantu pembentukan sebuah organisasi cemerlang melalui program yang dilaksanakan di dalam homeroom</p> <ol style="list-style-type: none"> <li>1. peratusan pencapaian akademik, sahsiah dan kokurikulum pelajar homeroom meningkat dengan bantuan guru penasihat dan kecaknaan UPHR</li> <li>2. Pengendalian aktiviti-aktiviti Homeroom berdasarkan: <ul style="list-style-type: none"> <li>- Aktiviti bermusim (Hari Guru, Hari Ibu dll)</li> <li>- Aktiviti bimbingan (EQ, program kemasyarakatan)</li> <li>- Aktiviti bebas (program sendiri berdasarkan objektif Homeroom)</li> </ul> </li> <li>3. Membudayakan sikap salaing bantu membantu antara guru penasihat dan UPHR</li> </ol>	<ol style="list-style-type: none"> <li>1. 100%</li> <li>2. 100% <ul style="list-style-type: none"> <li>• 40%</li> <li>• 40%</li> <li>• 20%</li> </ul> </li> <li>3. 100%</li> <li>4. 100%</li> </ol>

	4. Menyediakan modul asas pembangunan pelajar sebagai panduan	
FASILITI DAN PERKHIDMATAN BERKUALITI	<p>Memastikan UPHR memberikan perkhidmatan yang bermutu dan berkualiti.</p> <ol style="list-style-type: none"><li>1. Tempat perjumpaan homeroom selesa dan terkawal supaya pelajar jelas tempat perjumpaan</li><li>2. Pengangkutan bagi melaksanakan aktiviti luar minimum kos dan kemalangan</li><li>3. Fasiliti yang melibatkan pertandingan antara homeroom selamat dan minimum kemalangan</li><li>4. Membudayakan imej kebersihan dalam setiap aktiviti dan pertandingan inter homeroom</li></ol>	<ol style="list-style-type: none"><li>1. Sekitar maktab</li><li>2. 1 kali 1 homeroom</li><li>3. 100%</li><li>4. 100%</li></ol>